



**ISU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR ASLI SEMOQ BERI DI  
SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BERUA, HULU TERENGGANU,  
TERENGGANU**

**[TEACHING AND LEARNING ISSUES OF SEMOQ BERI INDIGENOUS  
STUDENTS AT SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BERUA, HULU  
TERENGGANU, TERENGGANU]**

MUHAMMAD NUR IMAN SAHADOM,<sup>1</sup> ABDULLAH IBRAHIM<sup>1\*</sup>, MOHAMAD HAFIS AMAT SIMIN,<sup>1</sup>  
HAJAR MUNIRAH HASHIM,<sup>1</sup> TENGGU MARIAM ZAINUDIN<sup>1</sup> & ATIKAH LOKMAN<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 43600 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-Mail: iman.sahadom@gmail.com; abduallahibrahim@unisza.edu.my; mohamadhafis@unisza.edu.my; hajarmunirah22@gmail.com; tg.mariam262@gmail.com; nuratikahlokman20@gmail.com

Correspondent Email: abduallahibrahim@unisza.edu.my

---

*Received: 21 December 2023*

*Accepted: 10 January 2024*

*Published: 26 January 2024*

---

**Abstrak:** Pendidikan merupakan satu peranan dan elemen penting dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup khususnya masyarakat Orang Asli. Isu “3M” membaca, mengira dan menulis masih di tahap kritikal terutamanya isu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ketinggalan dalam akademik, kehadiran ke sekolah, keciciran pelajar yang mendaftar ke sekolah, kesedaran ibu bapa yang tidak memberi tekanan kepada anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan dan buta huruf dalam kalangan Orang Asli khususnya suku kaum Semoq Beri amat merisaukan. Selain itu, hubungan Orang Asli Semoq Beri dalam kebergantungan kepada alam juga merupakan salah satu isu yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka iaitu tugas mencari hasil hutan atau alam sekitar dan amalan tradisi Semoq Beri hidup perantau. atau berpindah dari satu tempat ke satu tempat adalah antara punca dan isu utama yang menyumbang kepada ponteng sekolah dan tercicir dalam pendidikan formal ini. Banyak program dan tindakan berkaedah telah dijalankan bagi membantu pelajar mengurangkan jurang pendidikan formal dan mengurangkan peratusan buta huruf dalam kalangan pelajar masyarakat Semoq Beri. Pendekatan “Didik Hibur” turut digunakan dalam pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah bagi mewujudkan suasana menarik bagi mengurangkan isu pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli khususnya Orang Asli Semog Beri di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Pelajar Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu.

**Kata kunci:** Suku Semoq Beri, Orang Asli, Terengganu.

**Abstract:** Education is an important role and element in eradicating poverty and improving the standard of living especially Orang Asli community. The issue of “3M” reading, counting, and writing is still at a critical level, especially the issue of teaching and learning in the classroom. Lagging in academics, attendance at school, dropping out of students enrolling in school, the awareness of parents who do not

stress their children to get an education and illiteracy among Orang Asli especially the Semoq Beri tribe is very troubling. In addition, the relationship of the Orang Asli Semoq Beri in their dependence on nature also is one of the issues related to their daily life, which is the job of searching for forest or environment products and the traditional practice of Semoq Beri living as a nomad or moving from one place to another is one of the main causes and issues that contribute to absenteeism from school and dropping out of this formal education. A lot of programs and methodical actions have been carried out to help students to reduce the gap in formal education and reduce the percentage of illiteracy among students of the Semoq Beri community. The "Didik Hibur" approach is also used in the implementation of teaching and learning methods both in the classroom and outside the classroom to create an interesting atmosphere to reduce educational issues among Orang Asli students, especially Orang Asli Semoq Beri at Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu students.

**Keywords:** Semoq Beri tribe, Orang Asli, Terengganu

**Cite This Article:**

Muhammad Nur Iman Sahadom, Abdullah Ibrahim, Mohamad Hafis Amat Simin, Hajar Munirah Hashim, Tengku Mariam Zainudin, Atikah Lokman. 2024. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Asli Semoq Beri di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu, Terengganu [Teaching and Learning Issues of Semoq Beri Indigenous Students at Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu, Terengganu]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 4(1), 1-7.

## **PENGENALAN**

Orang Asli adalah etnik peribumi di Semenanjung Malaysia. Mereka hidup dalam masyarakat yang terpisah dan mengamalkan cara hidup tersendiri serta kurang mendapatkan kemudahan sempurna terutama terhadap pendidikan. Kedudukan geografi yang kebanyakannya berada di kawasan pedalaman telah menjadikan mereka beranggapan menghantar anak ke sekolah untuk mendapat pendidikan ini bukan lagi sesuatu yang mendapat faedah. Hubungan mereka dengan masyarakat luar juga kebanyakan cenderung kepada rangkaian ekonomi. rangkaian yang terhad ini telah mengakibatkan mereka lebih dikenali sebagai “*a backward community*” berbanding etnik lain di Malaysia (Hamimah, 2011)

Pendidikan merupakan bentuk utama keberhasilan suatu bangsa. Pada proses pendidikanlah tunjang besar peradaban dunia. Sejarah telah mencatat, pencapaian suatu kaum ditentukan oleh seberapa jauh pendidikan menjadi keutamaan di antara mereka, tetapi masih terdapat masyarakat yang tidak terlepas dari ketinggalan mendapatkan pendidikan, di Malaysia masyarakat antaranya adalah masyarakat Orang Asli Semoq Beri di Kampung Sungai Berua. Cabaran pengajaran dan pembelajaran turut dialami guru dalam konteks pengajaran dan juga manakala dalam konteks murid adalah masalah dalam pembelajaran.

Secara amnya, pendidikan ini masih kurang dianggap penting oleh ibu bapa masyarakat Orang Asli, mereka beranggapan menghantar anak-anak mereka ke sekolah adalah hanya untuk tempat anak mereka makan dan untuk bermain. Tetapi masyarakat Orang Asli mula sedar tentang kepentingan mendapatkan pendidikan apabila mereka melihat masyarakat luar menunjukkan minat terhadap pendidikan anak-anak orang asli. Untuk mengubah tanggapan mereka masih lagi rumit dan sukar disebabkan sokongan dan bantuan untuk pendidikan anak-anak Orang Asli masih kurang.

Justeru kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran pengajaran dan pembelajaran masyarakat orang asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat faktor-faktor menjadikan cabaran terhadap guru mengajar dan murid terhadap pendidikan formal.

## **SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan kajian dan tulisan oleh pengkaji dan penulis terdahulu mengenai latar belakang semaq beri yang meliputi gaya hidup, kepercayaan, kemudahan asas, pendidikan, sosioekonomi dapat memberi gambaran untuk menjelaskan sedikit tentang gaya hidup dan pendidikan terhadap suku kaum Semaq Beri.

Masyarakat Orang Asli Semoq Beri merupakan suku Senoi masih terikat kuat dengan adat resam dan masih mengamalkan tradisi nenek moyang. Penempatan masyarakat Orang Asli Semoq Beri kebanyakan di Terengganu Tengah dan Timur Laut Pahang, terutamanya di kawasan Kuala Tahan Jerantut dan Taman Negara. Gaya hidup mereka adalah dengan menjalankan aktiviti ekonomi sara diri dan mengekalkan ajaran tradisi nenek moyang mereka. Masyarakat Orang Asli menganggap itu adalah lumrah hidup dan menganggap hutan ini adalah sebahagian dari kehidupan mereka (Nasaruddin, 2018).

Gaya hidup mereka yang asal merupakan hidup berpindah randah dan tinggal di kawasan pedalaman menyebabkan mereka masih lagi sukar untuk menerima sistem pendidikan formal dan tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa kekurangan kemudahan pendidikan terhadap masyarakat orang asli. Orang Asli mengekalkan gaya hidup primitif, corak ekonomi yang didorong oleh pekerjaan sendiri dan sumber pendapatan sehari-hari, kurang atau tidak ada penglibatan dalam politik dan kehilangan banyak aspek perkembangan kehidupan secara umum. (Ramle, (1993), Syamsul (1972), Baharun, (1972), Gomes, (1987). Kedudukan mereka yang jauh terpencil di pedalaman ini menyebabkan mereka jauh daripada kemudahan awam seperti pengangkutan awam, perpustakaan, alat perhubungan (jalan raya dan alat komunikasi) Zalizan (2009) Orang Asli mengekalkan gaya hidup primitif, corak ekonomi yang didorong oleh pekerjaan sendiri dan sumber pendapatan sehari-hari, kurang atau tidak ada penglibatan dalam politik dan kehilangan banyak aspek perkembangan kehidupan secara umum (Ramle, 1993), (Syamsul, 1972), (Baharun, 1972) dan (Gomes, 1987).

Justeru itu Pembukaan kampung dan sekolah merupakan salah satu usaha pihak kerajaan untuk menaiktaraf kehidupan setempat dan memberi kesenangan melalui usaha ini pihak kerajaan berhasrat agar masyarakat orang asli tidak terus ketinggalan dalam arus pembangunan dan pendidikan. Terdapat juga inisiatif daripada pihak organisasi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan turut memberi kerjasama dalam usaha membangunkan kemudahan pendidikan dan menyumbang tenaga untuk memastikan masyarakat Orang asli semaq beri ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Tindakan demikian amat dihargai penduduk dan bagi pihak yang berusaha meningkatkan mutu kehidupan diharapkan dapat diteruskan kepada kawasan yang masih bermasalah seperti dihadapi kebanyakan orang asli yang lain (Hassan, 1996)

## **LOKASI KAJIAN**

Pengkaji telah menjalan kajian di Kampung Sungai Berua dan Sekolah Kebangsaan Sungai Berua terletak di Hulu Terengganu.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui temubual dan pemerhatian. Kaedah temubual ini melibatkan 13 orang informan iaitu Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK Sungai Berua. Ketua kampung atau Tok Batin kampung Sungai Berua, dua Kakitangan Jabatan Kemajuan Orang Asli Kuala Terengganu, tiga orang ibubapa pelajar SK Sungai Berua dan dua orang pelajar orang asli dan penyelidik berkaitan orang Asli

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

### **Faktor Ibumama**

Ibumama juga memainkan peranan yang penting dalam menyokong dan memberi galakan anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan. Tetapi terdapat juga sebahagian ibumama tidak berminat dan menitik beratkan tentang pendidikan. Hubungan antara ibumama dan anak adalah dalam konteks individu yang berperanan sebagai pemimpin dan penjaga kepada anak-anak (Hairul, 2019). Ibumama membawa anak mereka masuk hutan untuk mengutip hasil hutan (Hairul, 2017)

Isu pendidikan terhadap Orang Asli Ini turut disokong oleh beberapa pengkaji yang lain kerana ibumama masyarakat orang asli juga kurang mendapat pendidikan. Ibu bapa masyarakat Orang Asli masih kurang jelas dan berminat dengan sistem pendidikan kerana masyarakat mempunyai hubungan yang kuat dengan alam semulajadi (Hafis 2019)

Tahap pendidikan ibumama yang rendah juga mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak orang asli (Zalizan,2009).

Mereka melihat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan juga makan tetapi apabila mereka melihat masyarakat luar menunjukkan minat terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli, mereka menjadi lebih sedar tentang perlunya pendidikan (Hafis 2019)

### **Faktor Masyarakat**

Sikap mereka yang hanya menerima apa sahaja yang ada tanpa ada usaha untuk memajukan diri dan meningkatkan taraf hidup turut mempengaruhi mentaliti anak-anak orang asli untuk terus hidup dalam keadaan yang sederhana.

Mentaliti masyarakat orang asli yang tidak berubah terhadap pendidikan Pengaruh persekitaran terhadap budaya sesuatu masyarakat merupakan suatu yang lumrah. Setiap anggota masyarakat akan beradaptasi dengan persekitaran dan seterusnya mencorakkan pola tingkah

laku, pemikiran, nilai dan aktiviti masyarakat selari dengan persekitaran ekologi tempatan (Ramle, 2014; 2001).

### **Kaedah Mengajar**

Guru merupakan tunjang utama dalam membentuk seseorang dalam pendidikan. Guru memenuhi peranan mengajar dan mendidik, menyampaikan pengetahuan dan mengembangkan ilmu, guru merupakan pengajar dan penyampai ilmu begitu juga secara perlakuan yang dijadikan contoh, panduan dan pegangan.

Seterusnya, guru juga perlu mengajar dengan pelbagai cara dan kaedah untuk memastikan ilmu itu dapat disampaikan secara langsung atau tidak langsung seperti kaedah '*pedagogy*', didik hiburan, permainan dan kaedah lain untuk mengajar masyarakat orang asli. Menurut Norwaliza Wahab dan Ramlee Mustapha (2015) Guru perlu mempelbagaikan kaedah serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan konteks masyarakat Orang Asli dalam menarik minat murid-murid Orang Asli.

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di dalam kelas tidak dapat mengikut kepelbagaian tahap kognitif serta sosiobudaya murid Orang Asli yang seterusnya memberi kesan kepada pencapaian akademik yang rendah (Hasril et.al. 2015).

### **Faktor Persekitaran dan Suasana**

Pengetahuan tradisi kaum peribumi berkait rapat dengan alam semula jadi kerana kehidupan harian mereka yang dekat dengan sumber berkenaan. Asal usul sesuatu ilmu kelestarian alam semula jadi berpunca daripada pengetahuan turun temurun suatu kaum dan pengalaman mereka dalam menerokai persekitaran berkenaan untuk memenuhi keperluan harian (Elviriadi, 2011).

Pelajar yang sudah terbiasa dengan alam semulajadi, mereka lebih cenderung untuk tinggal dan bertempat di hutan. Kaedah '*Naturegogy*' juga perlu dikuasai oleh guru untuk memastikan pelajar lebih tertarik untuk belajar. Dalam usaha memastikan pelajar orang asli ini untuk meningkat minat belajar disekolah Projek Sekolah Rimba telah dianjurkan oleh pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Projek Sekolah Rimba bertujuan untuk pendidikan menyeluruh dan sama rata serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat (Khatijah Omar, 2022)

### **Faktor Sikap dan Sifat Pelajar**

Sikap pelajar itu sendiri yang mudah bosan dan tidak mahu belajar juga merupakan faktor cabaran di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua. Terdapat juga pelajar yang terlalu malu apabila berhadapan dengan orang luar. Mereka juga hanya boleh memberi tumpuan hanya untuk seketika sahaja, kemudian mereka mula membuat aktiviti lain seperti mengusik rakan-rakan mereka, berlari-lari dan melompat-lompat di dalam kelas ini menyebabkan aktiviti pengajaran tidak dapat dijalankan secara formal (Razaq (2009), Zalizan (2009)).

Jumlah enrolmen murid Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua berada dalam keadaan kritikal tahun demi tahun. Sebagai contoh, sebelum, semasa dan selepas pandemik

covid 19, jurang enrolmen pelajar di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua semakin kurang memberangsangkan kerana pendidikan kurang dianggap penting bagi masyarakat Orang Asli Semoq Beri.



Rajah: Sekolah Kebangsaan Sungai Berua *student registration*

Source: Administration Office of SK Sungai Berua, (2023)

No	Tahun	Pelajar Mendaftar
1	2019	105
2	2020	79
3	2021	70
4	2022	72
5	2023	52

### Faktor Kebergantungan Alam Semula Jadi

Persekitaran semula jadi merupakan suatu yang saling berkait dengan kehidupan masyarakat Orang Asli. Menurut Ramle (2014) perhubungan Orang Asli dengan alam semula jadi penting terutama dari aspek signifikan dan pergantungan hidup mereka. Sehingga kini terdapat beberapa pengkaji yang telah membincangkan isu pergantungan masyarakat berkenaan terhadap persekitaran semula jadi terutama hutan yang menjadi latar belakang sebahagian besar penempatan Orang Asli. Kehidupan Orang Asli tidak dapat dipisahkan dengan alam semula jadi, di mana hubungan erat yang terjalin sejak beratus tahun lalu membolehkan Orang Asli terus hidup dalam lingkungan yang harmoni dan menghormati alam semula jadi (Khairul, 2005).

Oleh yang demikian, masyarakat Orang asli yang masih bergantung dengan alam semula jadi untuk tujuan ekonomi seperti mencari sumber makanan harian, memungut hasil hutan untuk di jual kepada masyarakat luar dan memburu binatang, belajar secara tidak formal untuk mereka berdikari dan mendapat pengetahuan ilmu hutan dan rimba dari ibu bapa mereka. Ibu bapa murid Orang Asli Semoq Beri juga ingin anak – anak mereka mewarisi ilmu pengetahuan hutan

seperti mana mereka belajar dari orang terdahulu (Hairul, 2017). Oleh itu, mereka membawa anak-anak mereka masuk ke hutan dalam tempoh masa yang agak lama mengikut musim dan cuaca semasa. Ini akan menyebabkan berlakunya isu keciciran dan ketidakhadiran murid Orang Asli Semaq Beri dan mereka akan ketinggalan silibus atau pembelajaran di bilik darjah.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, melalui kajian yang dijalankan, masih terdapat jarak perkembangan dan pendidikan terhadap masyarakat orang asli dengan masyarakat luar disebabkan oleh banyak faktor dan perbezaan. ini telah menyebabkan mereka kurang terdedah kepada perkembangan pendidikan semasa. Faktor dan perbezaan ini dapat menjelaskan kajian yang dilakukan oleh penyelidik mengenai cabaran pengajaran dan pembelajaran pelajar Orang Asli Semoq Beri di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu, Terengganu. Justeru, perbincangan dalam bab ini menyentuh berkaitan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep, kepentingan kajian, kerangka teori, dan sorotan literatur.

Oleh yang demikian, seharusnya semua pihak mengambil bahagian dalam usaha meningkat taraf kehidupan kepada yang lebih baik dan berupaya memberi saingan dengan masyarakat luar. Hanya pendidikan dapat memecah paradigma orang asli yang tidak mahu mengubah gaya hidup dan memberikan setiap individu potensi untuk berjaya.

## **PENGHARGAAN**

Penulisan ini ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS0/UNISZA /02/1 – RR430) dan geran (FRGS/1/2020/SS0/UNISZA /03/1).

## **RUJUKAN**

- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009) Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: Penerbit UKM
- Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEAO) Kuala Lumpur JAKOA. 2011. "Tiga Kunci Elak Keciciran Pelajar Orang Asli – PM". Buletin ASLI. [www.jakoa.gov.my](http://www.jakoa.gov.my).
- Md. Fuzi, Abd. Lateh, 2007 "KIA2M Perangi Keciciran Ilmu," *Harian Metro*, 12 Mei.
- Nur Hanani Ab. Hamid, 2004 "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran Pelajar 4 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (SAINS) dalam Mata Pelajaran Sains Mengikut Etnik", (Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia,).
- Willingham & Daniel, 2012 "Teaching to What Students Have in Common," *Educational leadership* 69(5) 16-21.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, 2012 "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri". *Jurnal Hadhari* Edisi Istimewa: 155-172.